

05/01/2000

Ahli akar umbi Umno berbeza pendapat

ul Rahim; Malik Muhamad; Norazmi Abdul Talib
KUALA LUMPUR, Selasa - Ahli Umno pada peringkat akar umbi di seluruh negara berbeza pendapat mengenai syor Majlis Tertinggi (MT) semalam supaya jawatan Presiden dan timbalannya tidak dipertandingkan pada pemilihan parti Mei ini.

Sementara ramai berpendapat cadangan itu boleh menjamin perpaduan parti, tidak kurang juga yang berpandangan bahawa dua jawatan tertinggi itu perlu dipertandingkan selaras demokrasi yang menjadi amalan Umno selama ini.

Ketua Penerangan Umno Bahagian Segambut, Ahmad Awang, berkata keputusan MT itu wajar disokong kerana tindakan itu baik untuk kelicinan urusan pentadbiran negara.

Katanya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga adalah calon yang paling sesuai untuk jawatan Timbalan Presiden Umno kerana beliau adalah pemimpin yang sederhana, tenang tetapi berani.

Ketua Cawangan Umno Taman Nirwana, Abdullah Busu, pula berkata tidak ada sebab pertandingan pucuk pimpinan diadakan ketika Umno sepatutnya memperkukuhkan kekuatan parti sekarang.

"Apa yang penting ialah kita memantapkan parti dari peringkat cawangan dan bahagian sehingga ke Pusat," katanya.

Timbalan Ketua Umno Taman Ampang Hilir, Wan Ibrahim Wan Ismail, yang turut menyokong pandangan itu berkata, keputusan MT itu perlu bagi mengekalkan perpaduan parti.

Katanya, sejarah sudah membuktikan pertandingan merebut jawatan tertinggi parti menyebabkan Umno berpecah sehingga diharamkan.

Di ALOR STAR, Ketua Pergerakan Wanita Umno Cawangan Seberang Tambang Badak, Alor Star, Azimah Othman, berkata perebutan jawatan penting itu perlu dielak demi mengekalkan keharmonian parti.

Ketua Umno Kampung Tandop, Namek, Sik, Mohd Said Abdullah, 50 dan ahli Umno cawangan Lubuk Merbau Timur, Md Desa Ismail, 55, berpendapat Umno mampu mewujudkan perpaduan jika syor itu diterima ahli.

Di MELAKA, Naib Ketua Umno Paya Rumput Jaya, Alor Gajah, Zainudin Abdul Samad, berkata keputusan MT itu adalah untuk menjaga perpaduan parti kerana perpecahan boleh berlaku jika ada pertandingan bagi dua jawatan itu.

Setiausaha Umno cawangan pekan Alor Gajah dalam bahagian Selandar, Sulaiman Daud, menyokong penuh syor MT kerana keadaan sekarang memerlukan usaha bersungguh-sungguh menyatupadukan ahli parti.

Ketua Penerangan Umno cawangan Sebatu, Jasin, Mohiddin Abu, turut menyokong syor MT itu kerana ia boleh mengelak perpecahan itu, termasuk antara kepimpinan lama dan barisan pelapis.

Katanya, jika dapat dilaksanakan syor itu, tentu Umno dapat mempamerkan kekuatan kepada parti lain, terutama dalam Barisan Nasional.

"Kepemimpinan Dr Mahathir dengan gadingan Abdullah amat sesuai dan masih diperlukan," katanya.

Di IPOH, pengerusi Umno Cawangan Kampung Tawas Tambahan dalam Umno Bahagian Ipoh Barat, Datuk Dr Abu Bakar Shaari, berkata beliau bersetuju dengan pendirian MT kerana langkah itu dapat meredakan suasana politik negara.

"Bagi dekad ini, kita masih memerlukan sumbangan Dr Mahathir dan ideanya masih perlu terus digunakan. Untuk mendapatkan semula seorang Perdana Menteri ber wawasan sepertinya memerlukan masa yang panjang," katanya.

Ketua Umno Cawangan Kampung Temiang dalam Umno Bahagian Ipoh Timur,

Ahmad Mahyuddin Hashim, bersetuju dengan pendirian MT kerana Umno baru sahaja berhadapan dengan kritikan dan hentaman pembangkang dalam pilihan raya lalu.

"Jika ada pertandingan, maka akan ada bibit perpecahan dan perbalahan. Kini kita perlu bersatu dan ahli yang kekal dalam parti terbukti kesetiaan mereka untuk terus menyokong Dr Mahathir," katanya.

Ketua Pemuda Umno cawangan itu, Nizamuddin Mat Isa, 35, berkata pendirian MT itu sangat tepat kerana dalam situasi sekarang, bekerja keras membina kekuatan parti perlu lebih diutamakan daripada menumpukan pertandingan.

"Daripada menggunakan tenaga untuk pertandingan sesama sendiri pada peringkat atasan, lebih baik menggunakan tenaga atau sumber itu untuk mengembalikan keyakinan ahli peringkat akar umbi," katanya.

Di JOHOR, ahli Umno Bahagian Pulai, Rosmawati Subakir, 27, menyokong pendirian MT itu berdasarkan senario politik semasa serta mengekalkan perpaduan Umno.

Beliau berkata, perebutan jawatan dalam parti hanya akan menyebabkan wujud kumpulan tertentu yang menjurus kepada perpecahan dan sekali gus merugikan Umno.

Ahli Umno Bahagian Tenggara, Mohd Taib Hamzah, 50, bersetuju supaya tidak ada pertandingan bagi kedua-dua jawatan itu kerana Dr Mahathir dan Abdullah adalah gandingan mantap untuk meneruskan perjuangan parti.

"Ternyata mereka boleh bekerja bersama-sama untuk perjuangan bangsa, agama dan negara. Jika mereka sudah dapat membuktikannya, apa perlunya ada calon lain bagi jawatan itu," katanya.

Ahli Umno Cawangan Bandar Tenggara, Marjaniah Hamzah, 25, berkata gandingan Dr Mahathir dan Abdullah sudah terbukti dengan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya lalu.

"Sebagai ahli Umno, kita mahu memastikan mereka meneruskan kesinambungan ini terutama setelah negara melangkah ke alaf baru. Oleh itu, biarlah perpaduan parti dikekalkan tanpa adanya pertandingan bagi jawatan ini," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Kampung Datuk Onn, Johor Bahru, Zabedah Mohd Salleh, 54, berkata pendirian MT mengenai perkara itu sepatutnya diterima oleh semua ahli Umno.

"Sebagai badan tertinggi parti, ia berhak membuat cadangan dan jika ia dianggap baik untuk parti, maka ia juga baik untuk semua ahli," katanya.

Bagaimanapun, Ketua Cawangan Kampung Pasir Lama, Tampoi, Abdul Kayon Abdul Sutan, 51, tidak bersetuju jika kedua-dua jawatan itu tidak ditandingi kerana ia menutup proses demokrasi dalam Umno.

"Kenapa perlu ada cadangan supaya jawatan itu tidak ditandingi. Adalah lebih baik ia terbuka dan kita dapat melihat siapa yang berani mencabarnya.

"Jika keadaan ini dikekalkan, ia seolah-olah tidak wujud demokrasi dalam Umno dan menimbulkan tanda tanya di kalangan ahli kerana di peringkat bawah berlaku pertandingan. Jika ia dibuka pun, saya rasa tidak ada orang yang akan mencabar mereka," katanya.

Di SEREMBAN, Ketua Umno cawangan Labu Jaya Kampung LBJ, Norman Mohd Nor juga kurang setuju dengan syor MT itu kerana ia lari daripada konsep yang diamalkan parti iaitu demokrasi dan keterbukaan.

"Sampai bila Umno mahu mewujudkan peraturan sedemikian. Jika begitulah keadaannya, lebih baik jawatan itu dihadkan kepada dua penggal.

"Jangan salah anggap pandangan saya ini. Bagi saya, seseorang pemimpin yang berani berjuang dalam politik seharusnya juga sedia menghadapi pertandingan dan jangan jadi pemimpin jika takut ditentang," katanya.

Norman turut memberikan pantun berbunyi: "Dari lukut pergi ke Gambang, kirimkan saya buah teratai, kalau takut dilambung gelombang, jangan

berumah di tepi pantai."

Zamri Mohamaed dari Umno Pasoh I, berkata kedua-dua jawatan itu seharusnya dibuka untuk pertandingan bagi melihat sokongan akar umbi.

"Pertandingan itu adalah sihat jika semua syarat dipatuhi selaras amalan demokrasi," katanya.

Ismail Alias daripada Umno Bahagian Tampin pula berpendapat, memang baik jawatan itu tidak dipertandingkan kerana ia memberi peluang kepada semua ahli menumpukan perhatian kepada usaha memperkukuhkan parti.

Pandangan beliau turut disokong oleh Ketua Umno cawangan Puom dalam bahagian Jelebu, Baharom Nordin, yang menyifatkan keputusan itu dapat mengelakkan perpecahan.

"Kita baru saja melalui proses memilih kerajaan baru-baru ini dan sanggupkah kita terus berkempen atau membuat sesuatu menjelang pemilihan pucuk pimpinan parti," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, ahli Umno Marang, Hasmadi Embong, 23, berkata dua jawatan utama parti itu perlu dibuka untuk pertandingan bagi membolehkan ahli memilih.

"MT patut membuat perubahan, khususnya dalam konteks Terengganu di mana Barisan Nasional kecundang pada pilihan raya lalu," katanya.

Beliau berkata, Umno perlu membuang sikap takut kepada pertandingan kerana amalan bertanding dapat mengukur kesetiaan ahli kepada pemimpinnya.

Ahli Umno cawangan Bukit Kandis, Alias Mohamad, berkata pertandingan bagi jawatan utama parti harus dibuka seluas-luasnya selaras amalan demokrasi.

"Sekarang adalah masa untuk parti menarik semula ahli dan sewajarnya hasrat ahli untuk melihat pemimpin mereka memegang jawatan utama turut dihormati," katanya.

Ahli Umno cawangan Manir, Othman Abd Aziz, 35, juga bersependapat jawatan utama dalam parti dipertandingkan.

"Sebagai negara demokrasi, kita perlu memberi hak kepada rakyat untuk memilih pemimpin," katanya.

Ahli Umno cawangan Kubang Kerian, Kelantan tetapi bertugas di sini, Rizal Zakaria, 23, Umno perlu kembali kepada amalan tradisinya ketika melantik pemimpin iaitu melalui pemilihan.

"Mengapa perlu disekat hak orang lain untuk bertanding kerana amalan ini tidak sihat," katanya.

Sementara itu, ahli Umno cawangan Besut, Wan Mazlan Wan Muhamad, 33, bersetuju kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan kerana boleh memecah-belahkan perpaduan ahli.

"Tetapi, dalam keadaan ahli parti sekarang yang sudah matang, saya rasa jawatan terbabit patut dipertandingkan secara sihat.

"Kita jangan lihat pertandingan ini sebagai tidak sihat dan MT perlu memberi peluang kepada mereka yang ingin bertanding," katanya.

Beliau yakin kebanyakan ahli mahu kedua-dua jawatan utama itu dipertandingkan bagi memperlihatkan Umno sebuah parti yang mengamalkan demokrasi ketika memilih pucuk pimpinan.

(END)